

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

SIASATAN LRT AMPANG/SRI PETALING SELESAI

KUALA LUMPUR, 22 Februari 2023 – Siasatan ke atas kerosakan struktur *viaduct* dan *pier* yang retak berhampiran stesen LRT Bandaraya, yang telah mengakibatkan penggantungan perkhidmatan di antara stesen LRT Masjid Jamek dan stesen LRT Bandaraya semenjak 27 Januari 2023, telah selesai dijalankan.

Hasil siasatan menunjukkan bahawa kerosakan kepada tiga struktur *viaduct* dan *pier* telah diakibatkan oleh “*ground movement*” yang dipercayai daripada kerja-kerja di tapak pembinaan bersebelahan.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 27 Januari 2023, kerja-kerja tersebut telah mula dijalankan tanpa sebarang perundingan dengan APAD di bawah Peraturan-Peraturan Kereta Api (Zon Perlindungan Kereta Api) 1998 [P.U. (A) 367].

Pihak Prasarana kini dalam proses melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja baikpulih yang akan dimulakan pada awal bulan Mac dan dijangka akan mengambil masa sehingga tujuh bulan.

Tempoh ini merangkumi dua bulan untuk kerja-kerja baikpulih sementara (*temporary works*) bagi mengukuhkan struktur dan lima bulan untuk kerja-kerja baikpulih secara menyeluruh.

Kerja-kerja baikpulih tersebut akan mengambil masa kerana siasatan menunjukkan kerosakan kepada struktur yang terjejas menimbulkan risiko keselamatan yang amat serius.

Prasarana akan sebaik mungkin mengambil langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan gangguan perkhidmatan kepada para pengguna. Apabila perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya dibuka sepenuhnya, pengguna Laluan Ampang/Sri Petaling akan mempunyai alternatif untuk ke pusat bandar melalui stesen-stesen pertukaran seperti Chan Sow Lin, Titiwangsa dan Sg Besi.

Sementara kerja-kerja baikpulih dijalankan, perkhidmatan alternatif yang telah diperkenalkan semenjak 27 Januari 2023, termasuk perkhidmatan bas perantara, akan diteruskan.

Siasatan terperinci tersebut telah dijalankan oleh perunding kejuruteraan Arup Jururunding Sdn Bhd, dibawah pemantauan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada pihak Prasarana Malaysia Berhad, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pihak Prasarana merizabkan hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang bertanggungjawab.

Kami mengambil maklum kesukaran yang dihadapi oleh para penumpang dan kami memohon maaf diatas segala kesulitan.

Kami juga berterima kasih diatas kesabaran para penumpang pada masa ini dan keyakinan berterusan menggunakan pengangkutan awam kendalian kami.

-Tamat-